

Pasangan kembar teruja tamat pengajian bersama-sama

NILAI - Sepasang kembar seiras dari Sikamat, Seremban meraikan kejayaan apabila menerima ijazah masing-masing pada istiadat konvokesyen Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) ke-12 di sini semalam.

Najibah Saiful Bahrin, 24, berjaya menamatkan pengajian dalam Ijazah Sarjana Muda Kimia Industri manakala adiknya, Najihah, 24, pula menerima Ijazah Sarjana Muda Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko.

Najibah yang dilahirkan seminit lebih awal daripada adiknya berkata, dia berasa bertuah kerana dapat bersama-sama kembarnya menempuhi persekolahan sejak dari sekolah rendah, menengah, matrikulasi sehingga di peringkat universiti.

"Walaupun kami berbeza kursus dan tidak tinggal sebilik semasa di kampus, saya dan adik kerap menghabiskan masa ber-



NAJIBAH (dua dari kiri) dan pasangan kembarnya, Najihah (dua dari kanan) bergambar bersama adik kembar mereka, Mohd. Fathi (kanan) dan Fathiyah (kiri) selepas istiadat konvokesyen USIM ke-12 di Nilai semalam.

sama mengulangkaji pelajaran di perpustakaan," katanya ketika ditemui *Kosmo!* di sini.

Najibah dan Najihah turut mempunyai sepasang adik kembar iaitu Mohd. Fathi dan Fathiyah, berusia 22 tahun yang masih menuntut di USIM.

Pasangan kembar itu merupakan sebahagian daripada 1,689 graduan yang menerima ijazah doktor falsafah, sarjana, sarjana muda dan diploma lepasan ijazah pada istiadat konvokesyen USIM yang berakhir semalam.